

0598

U B925 BAH
MAHATHIR - KELANTAN

KOTA BAHARU, 11 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI KEYAKINANNYA BAHAWA KELANTAN AKAN KEKAL DIBAWAH PEMERINTAHAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

KATANYA, BARISAN NASIONAL SEMAKIN KUKUH DI NEGERI INI DAN SEHUBUNGAN ITU BELIAU YAKIN BN BOLEH DAPAT KEMENANGAN BESAR.

KETIKA DITANYA DAKWAAN KONONNYA KELANTAN MERUPAKAN PUSAT KEKUATAN PARTI PEMBANGKANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KITA TUNGGULAH PILIHAN RAYA+

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DAN BERBUKA PUASA DENGAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO DAN PERHUBUNGAN UMNO KELANTAN DI BANGUNAN UMNO NEGERI DI SINI.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR TAN SRI HAJI MOHAMED YAACOB DAN MENTERI BELIA DAN SUKAN YANG JUGA KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK. -- LAGI.
2122MST 11 04 90

0601

U B927 BAH
MAHATHIR - KELANTAN 2 KOTA BAHARU

APABILA DITANYA SAMA ADA PERGOLAKAN DALAM PERGERAKAN PEMUDA UMNO KELANTAN BARU-BARU INI AKAN MENJEJASKAN PELUANG BARISAN NASIONAL DI NEGERI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, UMNO BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH ITU MALAH PERKARA ITU SUDAH PUN SELESAI.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, BERKATA, UMNO TIDAK BOLEH MENGANGGAP SUDAH MENCAPAI SERATUS PERATUS DALAM PERSIAPANNYA BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

+SELAGI ADA MASA, KITA KENA BUAT PERSIAPAN, KERANA APABILA KITA FIKIR SUDAH CUKUP PERSIAPAN, ADA LAGI YANG TERTINGGAL,+ JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO SUPAYA MENGETEPIKAN PERKARA REMEH TEMEH.

+KITA HENDAK KEPADA PERJUANGAN PARTI KERANA YANG PENTING BUKAN ORANG-ORANG TERTENTU, YANG PENTING IALAH PARTI MENANG,+ KATA BELIAU.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO DAN PERHUBUNGAN NEGERI BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PERJUMPAAN ITU BERTUJUAN MEMBERI PENERANGAN MENGENAI PERJUANGAN PARTI YANG SEBENAR.
-- BERNAMA.

2141MST 11 04 90